



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

PENOLONG PEGAWAI TADBIR

1.	(A) Jawatan	:	Penolong Pegawai Tadbir
	(B) Gred Jawatan	:	N29
	(C) Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan
	(D) Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
	(E) Taraf Jawatan	:	Tetap
	(F) Jadual Gaji	:	Minimum – RM 1,493.00 Maksimum – RM 5,672.00

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29:RM 1,493.00); atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29:RM 1,493.00); atau
 - (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29:RM 1,770.95)

Syarat kelayakan Bahasa Melayu

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujiaan (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

3. Calon adalah terdiri dari anggota yang sedang berkhidmat di dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat dan Pegawai Khidmat Pelanggan untuk peningkatan secara lantikan (PSL) tertakluk telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-
- (a)
 - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas (KPSL); dan
 - (b) Had umur pelantikan :-
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun